

Program pembangunan pendidikan lestari berjaya

UB 20.12.2022 P.03

Anjuran bersama myJICA dan PKPP UMS dengan sokongan JICA Malaysia

KOTA KINABALU: Seramai 60 kanak-kanak di Kampung Numbak, dekat sini, terpilih untuk menyertai Program SDGs 4: Pendidikan Pemangkin Pembangunan Lestari, baru-baru ini.

Ia dianjurkan bersama Persatuan Alumni Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun Malaysia (myJICA) dan Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan sokongan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) Malaysia.

Presiden myJICA, Norazizul Abdul Aziz, berkata program itu merupakan acara tahunan di bawah penyelarasan myJICA Sabah.

Katanya, terdapat pelbagai pengisian menarik diadakan sepanjang program berlangsung, antaranya gerak kerja berkumpulan, sesi ceramah



KERJASAMA: Norazizul (duduk, kanan) bersama pegawai PKPP UMS.

motivasi, penghayatan budaya melalui tarian rakyat dan pembelajaran melalui permainan 3M (Menulis, Membaca, Mengira).

Turut diadakan pendedahan kaedah asas penanaman sayuran secara agroponik menggunakan peralatan kitar semula.

Norazizul berkata program berkenaan dibantu pengendaliannya oleh pelajar-pelajar Kursus (EK00303) UMS

Baktisiswa Seksyen 1 dan 3.

“Kita merakamkan ucapan terima kasih kepada Pengurusan Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) UMS kerana memberikan kerjasama baik sepanjang program berlangsung,” katanya ditemui media selepas menyempurnakan perasmian.

Turut hadir Timbalan



ALBUM: Sesi bergambar bersama peserta program sempena majlis itu.

Pengarah Akademik, PKPP UMS, Dr. Colonius Atang merangkap Perwakilan

myJICA Sabah. Mengulas lanjut, beliau berkata kejayaan program

berkenaan adalah hasil komitmen dan kerjasama semua pihak yang terlibat

untuk memastikan program ini dapat dijalankan dengan jayanya.